KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	31.05.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

Murai RM541,000 'sangkut' di Tumpat

PGA8 tahan pemandu bawa 541 haiwan dilindungi dalam MPV

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Tindakan seorang lelaki dipercayai mahu 'menghantar' 541 ekor burung murai batu dianggarkan bernilai RM541,000 ke utara gagal apabila ditahan dalam serbuan di Kampung Jubakar di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 4 petang, sepasukan anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA8) menahan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Cheary Eastar yang dipandu suspek dalam keadaan mencurigakan.

Penolong Pegawai Pemerintah PGA8 Deputi Superintendan K Ramesh berkata, anggota yang melakukan pemeriksaan menemui 32 bakul plastik dalam kenderaan terbabit.

"Semua bakul berkenaan mengandungi 541 ekor burung murai batu dianggarkan bernilai RM541,000 dipercayai diseludup dari Thailand menerusi Sungai Golok.

"Hasil soal siasat mendapati semua burung itu akan dibawa ke utara. Semua burung berkenaan dirampas manakala pemandu berusia 28 tahun yang beralamat di Gerik, Perak ditahan untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, semua burung itu kemudian diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan kes disiasat mengikut Seksyen 60 (1) (A) Akta Perhilitan 1972.

Katanya, pihaknya sudah merekodkan sembilan kes membabitkan nilai keseluruhan rampasan lebih RM2 juta dengan 12 tangkapan manakala tujuh kenderaan dirampas pada Op Wawasan bermula 26 Mei lalu.

"Kami akan mempertingkat dan mengetatkan kawalan sempadan dengan memantau pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok bagi mengekang jenayah rentas sempadan," katanya.

> "Soal siasat mendapati semua burung akan dibawa ke utara
> Ramesh



KENDERAAN suspek dan bakul digunakan untuk membawa 541 burung murai batu yang dirampas PGA8.